



# **JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR**

**LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA**

**24 MAC 2024 (AHAD)**

## 912.5kg Karkas Lembu Disembelih Tanpa Lesen Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Berita Semasa	Online	24 Mac



Pegawai JPV Pulau Pinang telah menahan sebuah pacuan empat roda kerana disyaki membawa karkas lembu yang disembelih di rumah penyembelih tanpa lesen dalam operasi pagi Ahad. - Foto JPVPP

BUKIT MERTA JAM - Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) merampas 912.5 kilogram karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan yang dijalankan berhampiran sebuah pasar di sini pagi Ahad.

Pengarahnya, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, karkas itu ditemui selepas sepasukan anggota penguatkuasa JPV Pulau Pinang menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Isuzu pada jam 6.20 pagi.

Menurutnya, pemeriksaan mendapati, kesemua karkas lembu itu disyaki bukan disembelih di rumah penyembelih yang diluluskan atau yang dilesenkan.

"Kita merampas kesemua karkas berkenaan kerana didapati tidak diuruskan mengikut undang-undang yang ditetapkan.

"Kesemua rampasan dibawa ke Pejabat JPV Pulau Pinang untuk siasatan lanjut," katanya dalam satu

kenyataan pada Ahad.

Tambah Saira, nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan yang disita dianggarkan bernilai RM81,500.

"Kes ini adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh JPV Pulau Pinang untuk tahun ini.

"Kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan penyembelihan 2009)," katanya lagi.-[SINARHARIAN](#)

## 912.5kg Karkas Lembu Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
My Metro	Mutakhir	Online	24 Mac



Anggota penguatkuasa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) memeriksa karkas lembu yang dirampas dalam serbuan berhampiran sebuah pasar di Bukit Mertajam. FOTO Ihsan JPVPP

Bukit Mertajam: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu bernilai RM36,500 dalam serbuan berhampiran sebuah pasar, di sini, hari ini.

Dalam serbuan pada 6.20 pagi, anggota penguatkuasa JPVPP menahan sebuah pacuan empat roda sebelum pemeriksaan lanjut menemui karkas berkenaan.

Pengarah JPV negeri, Dr Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pemeriksaan mendapati karkas lembu itu dipercayai bukan disembelih di rumah penyembelihan

yang diluluskan atau dilesenkan oleh JPV.

Menurutnya, pihaknya merampas karkas lembu berkenaan untuk tindakan lanjut.

"Nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan dianggarkan RM81,500. Kes ini adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh pihaknya untuk tahun ini.

Katanya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).

## Karkas Lembu Untuk Jualan Bulan Ramadan Dirampas

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Kosmo!	Negara	Online	24 Mac



Penguatkuasa JPV Pulau Pinang merampas 912.5 kg karkas lembu berhampiran pasar Bukit Mertajam, pagi tadi.

SEBERANG PERAI – Jabatan Perkhidmatan Veterinar Pulau Pinang (JPVPP) merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu, pagi tadi dipercayai untuk dijual kepada umat Islam bagi penyediaan menu berbuka puasa.

Rampasan karkas bernilai RM36,500 itu dijalankan dalam serbuan berhampiran pasar Bukit Mertajam di sini, kira-kira pukul 6.20 pagi.

Pengarahnya, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, karkas itu ditemui selepas sepasukan anggota penguat

kuasa JPVPP menahan sebuah kenderaan pacuan empat roda jenis Isuzu di kawasan luar pasar berkenaan.

“Karkas lembu itu disyaki bukan disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau yang dilesenkan dan dipercayai dibeli umat Islam bagi penyediaan menu berbuka puasa.

“Oleh itu rampasan dibuat terhadap karkas berkenaan dan dibawa ke pejabat untuk siasatan lanjut,” katanya

kepada pemberita di sini,  
hari ini.

Beliau memberitahu, nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan itu dianggarkan bernilai RM81,500.

Justeru katanya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan penyembelihan 2009).

Mengulas lanjut, tambahnya, kes terbabit adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh pihak JPVPP pada tahun ini. - [KOSMO! ONLINE](#)

## Jpv P.Pinang Rampas 912.5 Kg Karkas Lembu

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysian Gazette	Nasional	Online	24 Mac



JPV Pulau Pinang rampas 912.5 kg karkas lembu di Bukit Mertajam hari ini.

BUKIT MERTA JAM – Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) Pulau Pinang merampas 912.5 kilogram (kg) karkas lembu dalam serbuan berhampiran sebuah pasar di sini hari ini.

Anggota penguatkuasa JPVPP menahan sebuah pacuan empat roda pada 6 pagi sebelum menemui karkas bernilai RM36,500 itu.

Pengarah JPV negeri, Dr. Saira Banu Mohamed Rejab berkata, pemeriksaan mendapati karkas lembu itu dipercayai bukan disembelih di rumah penyembelihan yang diluluskan atau dilesenkan.

“Susulan itu, kita merampas karkas berkenaan untuk tindakan lanjut.

“Nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan berjumlah RM81,500. Ini sekali gus merupakan rampasan terbesar yang dijalankan pihak kami bagi tahun ini,” katanya.

Tambah beliau, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan Penyembelihan 2009).—[MALAYSIAGAZETTE](#)

kepada pemberita di sini,  
hari ini.

Beliau memberitahu, nilai rampasan karkas lembu dan kenderaan itu dianggarkan bernilai RM81,500.

Justeru katanya, kes disiasat mengikut Kaedah 5(3) Kaedah-Kaedah binatang (Kawalan penyembelihan 2009).

Mengulas lanjut, tambahnya, kes terbabit adalah rampasan terbesar yang dijalankan oleh pihak JPVPP pada tahun ini. - [KOSMO! ONLINE](#)



**TERIMA KASIH**

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR